



# MRT LINGKARAN SDN BHD

(No. Syarikat 1458772-V;202201013075)

(Anak syarikat milik penuh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd)

(No. Syarikat. 902884-V;201001019176)

## KENYATAAN RFP (REQUEST FOR PROPOSAL)

Kerajaan Malaysia telah melantik Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp.) sebagai pemaju projek dan pemilik asset **Projek Mass Rapid Transit Laluan 3: Laluan Lingkaran (MRT3)**. MRT Corp melalui anak syarikatnya iaitu MRT LINGKARAN SDN BHD akan melaksana dan menyiapkan pembinaan projek MRT3 ini.

Projek MRT3 ini adalah laluan terakhir yang penting untuk melengkapkan jaringan rel bandar (*urban rail network*) bagi Lembah Klang. Jajarannya bakal melingkari pinggir bandaraya Kuala Lumpur dan akan berhubung dengan laluan-laluan MRT, LRT, KTM dan Monorel sedia ada di 10 stesen pertukaran. Rangkaian rel metro ini akan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam bagi penduduk di Lembah Klang apabila ia siap sepenuhnya.

MRT Lingkaran Sdn Bhd ingin mempelawa bakal Pembida untuk mengambil bahagian dalam RFP bagi pakej perkhidmatan yang dinyatakan di dalam jadual di bawah

TAJUK RFP DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT RFP	HARGA DOKUMEN RFP
<b>PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 3: LALUAN LINGKARAN (MRT3)</b> <b>ELECTRONIC DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM (EDMS)</b> <b>RFP NO.: CCL-MRTC-GENE-OVPR-RFP-000004</b>	Memiliki sijil sah: <u>Syarikat Tempatan</u> Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)  Atau <u>Syarikat Antarabangsa</u> Salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh notari di negara syarikat ditubuhkan	<b>Dokumen RFP <i>Softcopy</i></b>  <b>RM500.00</b> <b>(Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja)</b>  dalam bentuk <b>Deraf Bank / Cek Bank</b>  pembayaran kepada:- <b>MRT Lingkaran Sdn Bhd (1458772-V;202201013075)</b>
KRITERIA MANDATORI		
i. Sistem pengurusan dokumen elektronik berasaskan web ii. 'Software as a Service (SaaS)' atau pengehosan pihak ke-3 iii. Pembida hendaklah memenuhi komposisi minimum satu (1) kakitangan bagi setiap jawatan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Koordinator Projek</li> <li>• Ketua Kakitangan Pembangunan EDMS</li> <li>• Ketua Latihan EDMS</li> </ul>		

Dokumen RFP boleh dibeli mulai **1 November 2022 sehingga 16 November 2022** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN	WAKTU OPERASI KAUNTER TENDER
<b>MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD</b>  Jabatan Perolehan Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia	Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengahari dan 2:00 petang – 5:00 petang Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 3:00 petang – 5:00 petang

Tarikh serahan bagi dokumen RFP yang lengkap ini adalah pada **Jumaat, 25 November 2022, tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Sebarang kelewatan di dalam penyerahan dokumen RFP ini tidak akan diterima.

### Nota:

- Pembida hanya dibenarkan untuk mengemukakan satu (1) penyertaan RFP sahaja sama ada sebagai sebuah entiti syarikat atau JV/ Konsortium. Pembida yang didapati menyertai lebih daripada satu (1) penyertaan RFP akan dibatalkan keseluruhan penyertaannya secara automatik.
- Penyertaan secara JV/Konsortium hendaklah disertakan bersama dengan Perjanjian JV/Konsortium dan perjanjian tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, ekuiti rakan JV/Konsortium dan juga klausa "*Jointly and Severally Liable*" keatas semua rakan JV/Konsortium tersebut. Pembida dilarang untuk menukar rakan kongsi JV/Konsortium selepas tarikh tutup.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada [procurement@mymrt.com.my](mailto:procurement@mymrt.com.my). Maklumat lanjut mengenai MRT Corp., boleh didapati di laman web di alamat [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my).